

30 MAR 1996

PM-keputusan

PM TIDAK TERBURU-BURU BUAT KEPUTUSAN MENGENAI MB KEDAH

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak perlu terburu-buru untuk membuat sebarang keputusan berhubung perlantikan Menteri Besar Kedah yang baru "kerana saya ada banyak masa".

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, ditanya sama ada beliau akan membuat keputusan berikutan pertemuannya dengan anggota Parlimen dan anggota Dewan Undangan Negeri Kedah daripada UMNO di pejabatnya pagi ini.

Ketika bercakap dengan wartawan selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh di Carcosa Seri Negara di sini tengah hari ini, Dr Mahathir berkata dalam pertemuan itu kesemua terlibat menyerahkan kepadanya untuk membuat keputusan.

"Mereka serahkan kepada saya apa yang saya hendak buat, dan mereka juga beri pendapat mereka tentang menteri besar sekarang, Tan Sri Osman Aroff dan juga mengenai Datuk Seri Sanusi Junid. Jadi saya dengarlah.

"Kesemua 22 anggota Dewan Undangan Negeri yang membuat kenyataan terbuka itu meminta maaf di atas kesilapan mereka. Mereka juga menegaskan kepada saya bahawa mereka tidak sekali-kali berniat untuk menimbulkan sesuatu yang menyinggung hati saya," katanya.

"Dan yang penting saya terima hasrat mereka untuk memohon maaf," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kesemua anggota Dewan Undangan Negeri Kedah daripada UMNO hadir pada pertemuan itu, termasuk mereka yang tidak menurunkan tandatangan pada memorandum itu.

Beliau berkata pada pertemuan itu, beliau terlebih dahulu mendapat penerangan daripada ketua-ketua bahagian yang juga anggota Parlimen sebelum menerima kunjungan anggota-anggota Dewan Undangan Negeri.

Katanya, anggota-anggota Parlimen itu juga membuat kenyataan yang sama iaitu mereka menyerahkan kepadanya untuk membuat keputusan berhubung isu perlantikan Menteri Besar Kedah.

Mengulas tentang tuduhan anggota Parlimen Kota Melaka dari DAP Lim Guan Eng terhadap Peguam Negara, Datuk Mohtar Abdullah di Dewan Rakyat, Khamis lepas, Perdana Menteri berkata itu sememangnya kerja parti lawan yang tidak ada kerja lain melainkan menyuruh orang lain berhenti.

"Sebenarnya dia yang patut berhenti kalau dia tidak betul. Partinya patut suruh dia berhenti. Saya tidak tahu kenapa dia tuduh Peguam Negara bermain politik padahal beliau hanya menjalankan tugas rasmi sebagai pegawai kerajaan," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan pihak tertentu supaya jangan membawa masalah politik ke dalam mahkamah kerana tindakan demikian akan hanya menimbulkan keadaan serba salah.

Beliau membidas sikap pembangkang yang sering mengecam kerajaan sekiranya mahkamah mendapati seseorang daripada parti pembangkang bersalah dan mendakwa kononnya ia satu tekanan politik.

Dr Mahathir berkata undang-undang adalah sama untuk menteri kerajaan ataupun anggota pembangkang tetapi mereka menganggap mahkamah tidak boleh mengambil tindakan terhadap ketua pembangkang.

"Tetapi kalau menteri kerajaan tersilap sikit mereka desak suruh buang dan masukkan ke dalam penjara. Kita percaya kepada keadilan undang-undang yang sama rata kepada semua, sama ada anggota pembangkang atau bukan dan tidak boleh dibengkok-bengkok semata-mata supaya seseorang itu boleh terlepas daripada hukuman," katanya. -- BERNAMA

ZAB AKD